



## UNTUK SIARAN SEGERA

### RPDR-PKPP: KEDUDUKAN KEWANGAN KAMI KUKUH DAN STABIL

**PETALING JAYA, 11 September 2020** – Pihak Pengurusan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP) ingin menafikan khabar angin yang ditimbulkan oleh pihak tidak bertanggungjawab di Raub, Pahang bahawa syarikat ini sedang menghadapi masalah kewangan dan akan menarik diri daripada cadangan skim pemutihan yang hendak dilaksanakan.

Khabar angin tersebut merupakan berita palsu dan tidak wajar. Pihak RPDR-PKPP tetap bersikap tegas dan optimistik dalam menjalankan skim pemutihan yang dicadangkan. Pihak pengurusan hanya memulangkan semula wang perolehan kepada pekebun yang menarik diri daripada pendaftaran skim pemutihan sebagai tanda keikhlasan syarikat.

Pihak pengurusan RPDR-PKPP ingin menekankan bahawa syarikat ini mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan tidak akan ditutup. RPDR-PKPP menggesa para pekebun agar tidak terpedaya dengan berita palsu dan khabar angin sewenang-wenangnya. Khabar angin tersebut tidak berasas sama sekali.

----TAMAT ----

#### **Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd (RPDR-PKPP)**

RPDR-PKPP ditawarkan dan menerima mandat oleh Kerajaan Negeri Pahang pada Jun 2020 melalui Perbadanan Setiausaha Negeri Pahang (PSK) untuk melaksanakan cadangan skim pengesahan pendudukan tanah untuk mengatasi masalah pertanian haram di daerah Raub dan membendung pencerobohan tanah yang berpanjangan.

#### **Kontak Media:**

Cynthia Lee (+6016-9342 949)

Managing Partner

Citrine One Sdn Bhd

Email: [cynthia@citrineone.com](mailto:cynthia@citrineone.com)